



LKM-L2

PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KOKO MALAYSIA 2012

SYARAT-SYARAT LESEN PEDAGANG KELUARAN SEPARA SIAP

1. Lesen ini khusus kepada pengusaha yang membeli dan mengeksport, atau mengimport dan mengeksport semula keluaran separa siap.
2. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan Sijil Lesen bersama Slip Pembaharuan Lesen di tempat yang mudah dilihat untuk diperiksa oleh Pegawai yang diberi kuasa.
3. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan permohonan pembaharuan lesen sekurang-kurangnya tujuh (7) hari sebelum tarikh tamat tempoh sah lesen.
4. Pemegang lesen hendaklah mengemukakan laporan-laporan urus niaga berikut yang lengkap, benar dan tepat kepada Lembaga tidak lewat 7 haribulan pada setiap bulan berikutnya:
 - 4.1 Stok Keluaran Separat Siap Dalam Stor;
 - 4.2 Belian Keluaran Separat Siap termasuk import, pemindahan dan sebagainya;
 - 4.3 Jualan Keluaran Separat Siap termasuk eksport, pemindahan dan sebagainya;
 - 4.4 Inbois Keluaran Separat Siap;
 - 4.5 Kualiti Keluaran Separat Siap; dan
 - 4.6 Lain-lain laporan yang dikehendaki oleh Lembaga.
5. Pemegang lesen hendaklah membeli dan menjual keluaran separa siap daripada sumber yang sah.
6. Pemegang lesen hendaklah mengisytiharkan sumber keluaran separa siap yang dibeli atau diimport kepada Lembaga.
7. Pemegang lesen dilarang melakukan pencampuran keluaran separa siap tempatan dan luar negara dan melabelkannya sebagai keluaran separa siap Malaysia.
8. Pemegang lesen hendaklah memastikan keluaran separa siap mematuhi spesifikasi yang dikuatkuasakan.
9. Pemegang lesen hendaklah mempamerkan papan tanda "**PEDAGANG KELUARAN SEPARA SIAP BERLESEN**" di tempat yang mudah dilihat di premis urus niaga.
10. Lain-lain syarat yang difikirkan perlu dari semasa ke semasa.